

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED TEMBIKAI WANGI**Standard FAMA FS029 - 2002****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Tembikai Wangi (honey dew) atau nama botaninya *Cucumis melo* L. yang dipasarkan untuk kegunaan segar.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud :

- 2.1 Kematangan - terdiri daripada lima (5) indeks kematangan seperti berikut :
 - 2.1.1 Indeks 1 - Belum matang. Keseluruhan permukaan kulit berwarna hijau keputihan.
 - 2.1.2 Indeks 2 – Permulaan matang. Sebahagian permukaan kulit berwarna putih kehijauan.
 - 2.1.3 Indeks 3 – Matang. Permukaan kulit berwarna putih krim.
 - 2.1.4 Indeks 4 – Masak. Keseluruhan permukaan kulit berwarna krim kekuningan. Buah mula mengeluarkan aroma.
 - 2.1.5 Indeks 5 – Terlalu masak. Keseluruhan permukaan kulit berwarna kuning krim. Buah mengeluarkan aroma yang kuat.
- 2.2 Kematangan seragam - Konsainan dianggap seragam jika mempunyai satu indeks atau gabungan indeks yang hampir seperti 2 dan 3, 3 dan 4, dan sebagainya dalam satu-satu lot.
- 2.3 Garispusat – Garispusat maksimum buah diukur pada sudut tepat dengan garis yang merintang dari pada pangkal tangkai ke tampoknya.
- 2.4 Segar - Buah Tembikai Wangi yang mempunyai permukaan kulit yang licin dan tekstur isi yang pejal (firm). Kulit buah tidak berkedut atau kecut.
- 2.5 Kotor - Buah Tembikai Wangi yang terdapat kesan-kesan bahan asing yang tidak dibersihkan seperti kesan getah, sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.6 Kecacatan – Buah Tembikai Wangi yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.6.1 Cacat - Buah Tembikai Wangi yang bentuknya tidak normal atau sempurna seperti terbantut, berbonggol dan sebagainya.

- 2.6.2 Cacat Rupa - Buah Tembikai Wangi yang mempunyai tanda-tanda yang mencatatkan rupa luaran seperti berbintik, karat, nyahwarna luar biasa, kesan getah buah dan parut yang tidak boleh dibersihkan, tetapi tidak menjejaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit buah.
- 2.7 Rosak – Sebarang kecederaan atau kesan berikut yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa , pemakanan dan kualiti.
 - 2.7.1 Kecederaan mekanikal dan fisiologi seperti luka, pecah, lebam, calar dan merekah.
 - 2.7.2 Kesan gigitan atau lubang disebabkan oleh makhluk perosak.
 - 2.7.3 Kesan jangkitan penyakit disebabkan oleh organisma mikro seperti busuk, reput dan berkulat.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.2 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3 Telah mencapai tahap kematangan yang mencukupi (Indeks 2 hingga Indeks 4) seperti yang dikehendaki oleh pasaran. Kandungan bahan pepejal larut lebih 8° Brix.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Tembikai Wangi dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Jaringan pada permukaan kulit hendaklah lebih dari 50%. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Jaringan pada permukaan kulit antara 10 hingga 50%. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
2	Ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 10\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi buah Tembikai Wangi, saiz ditentukan oleh berat dalam unit **kilogram (kg)** atau **garispusat dalam unit millimeter (mm)** seperti jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (kg)gram
Lebih Besar	XL	>2100
Besar	L	1801 - 2100
Sedang	M	1501 – 1800
Kecil	S	1200 - 1500

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Buah Tembikai Wangi daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/Kod Penaman
- 5.2.3 Nama/Kod Pengeksport
- 5.2.4 No.Kad Pengendalian
- 5.2.5 No. Pendaftaran Syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat Bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 "Method of Sampling Fresh Fruits", atau kaedah statistik yang dipersetujui.